

**PENGUNAAN STRATEGI MEMBACA TEKS AKADEMIK DALAM
KALANGAN PELAJAR PERINGKAT TERTIARI**

IDRIS B. MOHD RADZI

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2009**

**PENGUNAAN STRATEGI MEMBACA TEKS AKADEMIK DALAM
KALANGAN PELAJAR PERINGKAT TERTIARI**

IDRIS B. MOHD RADZI

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI BAHASA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2009

PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

25 Julai 2009

IDRIS B. MOHD RADZI
P20021000747

PENGHARGAAN

Bersyukur saya ke hadrat Ilahi yang telah memberi kekuatan kepada saya untuk menyiapkan disertasi ini. Sesungguhnya, usaha ini tidak mungkin dapat disempurnakan tanpa sokongan dan bantuan daripada beberapa pihak. Oleh itu, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang terlibat sama dalam proses penyiapan disertasi ini.

Sepanjang penyelidikan ini saya telah dibimbing oleh dua orang penyelia yang tersohor dalam bidang pendidikan bacaan. Pada peringkat awal, saya telah dibimbing oleh Prof. Dr. Safiah Osman. Setelah beliau bersara, tugas ini dipikul oleh Prof. Madya Dr. Sali Zaliha Mustafa. Mereka telah memberi tunjuk ajar dan bimbingan yang sangat profesional dalam proses penyiapan disertasi ini. Atas khidmat mereka yang cemerlang itu, saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih. Saya memohon maaf atas segala tingkah laku dan tutur kata saya yang tidak menyenangkan sepanjang proses tersebut.

Pada kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Dekan Fakulti Bahasa yang telah memberi kerjasama menggunakan bilik dan alat perakam untuk tujuan rakaman. Kepada rakan-rakan yang turut membantu, saya juga mengucapkan “terima kasih daun keladi” dan selamat maju jaya.

Kepada keluarga yang sentiasa sabar dan memahami tugas yang saya jalankan, hanya Allah sahaja yang dapat membalas pengorbanan mereka. Moga-moga usaha yang sedikit ini menjadi inspirasi kepada anak cucu kita yang berminat dalam bidang pendidikan untuk pergi lebih jauh lagi.

Idris Mohd Radzi
Fakulti Bahasa, UPSI.
Julai 2009

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menyelidiki penggunaan strategi membaca teks akademik yang diguna pakai oleh pelajar peringkat tertiar. Seramai 12 orang responden telah dipilih secara sukarela untuk memberi maklumat kajian ini. Sebuah teks akademik yang panjangnya kira-kira 2,004 patah perkataan telah dipilih sebagai alat kajian. Pengkaji menggunakan dua kaedah memperoleh data, iaitu protokol berfikir bersuara dan protokol bercerita semula. Responden diminta membaca teks tersebut secara individu dan melakukan protokol berfikir bersuara berdasarkan apa-apa yang dibaca. Kemudian, mereka diberi masa untuk melakukan pembacaan kedua sebelum mereka dikehendaki melakukan protokol bercerita semula. Pembacaan dan penceritaan responden tersebut dirakamkan dan kemudiannya ditranskripsikan untuk memudahkan penganalisan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa responden menggunakan 17 jenis strategi membaca untuk memahami teks akademik yang disediakan. Terdapat tiga strategi membaca yang paling kerap digunakan responden, iaitu strategi membuat huraian (36.37%), strategi ulang baca (22.61%) dan strategi memparafrasa (20.39%). Kajian ini juga mendapati bahawa responden masih tidak dapat menguasai strategi membaca yang seharusnya diamalkan pelajar berprestasi akademik tinggi. Walaupun jumlah keseluruhan kekerapan penggunaan strategi membaca lebih banyak dikuasai responden, kajian menunjukkan bahawa hampir 50% strategi membaca yang diguna pakai oleh mereka merupakan strategi kognitif aras rendah. Malahan, kajian ini mendapati bahawa strategi membaca metakognitif amat kurang dilakukan, iaitu 0.29% sahaja. Hasil analisis protokol bercerita semula pula menunjukkan perbezaan yang ketara antara responden berprestasi tinggi dengan responden berprestasi rendah. Kajian ini mendapati

responden berpencaipan rendah tidak berjaya mengesan isi utama dalam teks yang diberi. Mereka lebih cenderung menceritakan semula huraian isi berbanding dengan isi utama.



ABSTRACT

THE USE OF ACADEMIC TEXT READING STRATEGIES AMONG TERTIARY LEVEL STUDENTS

The objective of this study is to investigate the use of reading strategies for academic text among tertiary level students. There were 12 respondents selected voluntarily to give information for this study. A 2, 004 words academic text were used as an instrument of this study. The researcher used two methods of data collection, they were: think aloud protocol and text retelling protocol. Respondents were asked to read the passage individually and do the think aloud protocol based on their readings. Later on, they do the reading for the second time before they were asked to do the text retelling protocol. The readings and retelling were recorded for transcription. Findings show that respondents have been using 17 types of reading strategies to understand the text. There were three types of reading strategies used frequently by the respondents, they were elaborating strategies (36.37%), rereading strategies (22.61%) and paraphrase strategies (20.39%). This study found that the use of reading strategies among respondents is still below average. Although the number of reading strategies used were quite high, nearly 50% of reading strategies used were lower cognitive level strategies. More over, the use of metacognitive reading strategies was very low, 0.29%. According to the text retelling protocol findings the lower achievers respondents tend to retell the elaborating statements of the text compared to the superordinate statements.

KANDUNGAN

	Hal.
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI GAMBAR RAJAH	xiv
SINGKATAN	xv
BAB I PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Tujuan Kajian	7
1.5 Soalan Kajian	7
1.6 Kepentingan Kajian	8
1.7 Batasan Kajian	11
1.8 Definisi Istilah	11
BAB II LITERATUR KAJIAN	
2.1 Pengenalan	15
2.2 Model dan Teori Proses Membaca	15
2.2.1 Model Psikolinguistik	19

2.2.2	Model Proses Maklumat	22
2.3	Ingatan Dalam Kefahaman Membaca	55
2.4	Sorotan Teori dan Kajian Strategi Membaca	66
2.4.1	Strategi Kognitif	71
2.4.2	Strategi Metakognitif	88
2.5	Kerangka Konsep	113
2.6	Kesimpulan	118
BAB III	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	122
3.2	Reka Bentuk dan Kaedah Kajian	122
3.3	Responden Kajian	124
3.4	Alat Kajian	130
3.4.1	Proses Pemilihan Teks	131
3.5	Kaedah dan Prosedur Pengumpulan Data	134
3.5.1	Protokol Berfikir Bersuara	136
3.5.2	Protokol Bercerita Semula	142
3.6	Prosedur Penganalisisan Data	147
3.6.1	Analisis Protokol Berfikir Bersuara	149
3.6.2	Analisis Protokol Bercerita Semula	155
BAB IV	ANALISIS PROTOKOL BERFIKIR BERSUARA	
4.1	Pengenalan	160
4.2	Apakah jenis strategi membaca yang digunakan oleh responden dalam memahami teks?	161

4.2.1	SM Ulang Baca	162
4.2.2	SM Parafrasa	164
4.2.3	SM Membuat Huraian	165
4.2.4	SM Membuat Pernyataan Sinis	167
4.2.5	SM Menyatakan Faham	167
4.2.6	SM Menyatakan Tak Faham	168
4.2.7	SM Pengesahan Maklumat	169
4.2.8	SM Hipotesis	169
4.2.9	SM Membuat Jangkaan	170
4.2.10	SM Menyatakan Persetujuan	171
4.2.11	SM Menyoal	171
4.2.12	SM Menjawab	172
4.2.13	SM Mengaitkan Situasi Setempat	173
4.2.14	SM Menggunakan Maklumat Teks Lain	174
4.2.15	SM Menggabungkan Maklumat	174
4.2.16	SM Bantuan Kamus	175
4.2.17	SM Menelah Maksud Kata	177
4.3	Berapakah jumlah kekerapan penggunaan strategi membaca yang digunakan oleh responden?	177
4.4	Apakah jenis kategori strategi membaca yang digunakan oleh responden?	186
4.5	Berapakah jumlah kekerapan penggunaan strategi membaca yang digunakan oleh responden berdasarkan pencapaian akademik?	188

BAB V ANALISIS PROTOKOL BERCERITA SEMULA

5.1	Pengenalan	194
5.2	Latar Belakang Teks	195
5.3	Apakah maklumat daripada teks asal yang dipilih oleh responden dalam PBS mereka?	203
5.4	Adakah terdapat maklumat lain dalam PBS responden?	210
5.5	Bagaimanakah maklumat tersebut disampaikan dalam PBS responden?	214

BAB VI RUMUSAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN KAJIAN SELANJUTNYA


6.1	Pengenalan	224
6.2	Rumusan	225
6.3	Perbincangan	229
6.3.1	Strategi Membaca Pelajar Peringkat Tertiar	229
6.3.2	Pemilihan Maklumat Untuk Disimpan dalam Ingatan Jangka Panjang	242
6.3.3	Implikasi Kepada Dunia Pendidikan	245
6.4	Cadangan	259
6.4.1	Cadangan Jangka Pendek	259
6.4.2	Cadangan Jangka Panjang	261

RUJUKAN	269
----------------	-----

LAMPIRAN

LAMPIRAN A	282
LAMPIRAN B	284

LAMPIRAN C	285
LAMPIRAN D	290
LAMPIRAN E	291
LAMPIRAN F	318
LAMPIRAN G	321



SENARAI JADUAL

Bil	Tajuk	Hal.
2.1	Tahap Inti Sari Kefahaman Membaca dalam Ingatan Membaca	63
3.1	Senarai Jurnal dan Tajuk Artikel	131
3.2	Kaitan Teks dengan Kursus Responden	132
3.3	Analisis Pemilihan Teks antara Penulis	133
3.4	Aplikasi Proses Analisis Data Willington dalam Menjawab Soalan kajian	149
3.5	Kod Jenis Strategi Membaca	152
4.1	Jadual Kekerapan Penggunaan Strategi Membaca	178
4.2	Kekerapan Subkategori SM Menyoal	184
4.3	Kekerapan Subkategori SM Hipotesis	185
4.4	Kekerapan Penggunaan SM Kategori Kognitif dan Kategori Metakognitif	187
4.5	Kekerapan Penggunaan Substrategi dalam SM Kognitif	188
4.6	Kekerapan Penggunaan SM Berdasarkan Pencapaian Akademik	189
4.7	Kekerapan Penggunaan SM Berdasarkan Pencapaian Akademik Bagi Semua Responden	192
5.1	Maklumat Isi Utama, Isi Sokongan dan Huraian Isi Teks – Falsafah dalam Perpaduan kaum	197-201
5.2	Analisis Kekerapan Maklumat Teks Asal Yang Dipilih Oleh Responden dalam Protokol Bercerita Semula	204-205
5.3	Maklumat Isi Utama Yang Menjadi Pilihan Responden	207
5.4	Maklumat Isi Utama Yang Tidak Menjadi Pilihan Responden	207
5.5	Maklumat Isi Sokongan Yang Dipilih Oleh Responden	209

5.6	Maklumat Lain Dalam PBS Setiap Responden	210-211
5.7	Pernyataan Rumusan Setiap Responden	212-213
5.8	Transkripsi PBS Responden Kelapan (R8) Mengikut Perenggan	215-217
5.9	Perenggan PBS R3	219
5.10	Perenggan PBS R2	220
5.11	Transkripsi PBS R4 Tanpa Perenggan	223
6.1	Pendekatan Pengajaran dan Kesannya Kepada Pembelajaran Membaca	256-257

SENARAI GAMBAR RAJAH

Bil.	Tajuk	Hal.
2.1	Model Proses Membaca Gaugh	24
2.2	Model Proses Membaca LaBerge dan Samuels	29
2.3	Mekanisme dalam Ingatan Visual Pembaca	33
2.4	Perbandingan Masa Yang Diambil untuk Membaca Perkataan Normal dan Perkataan yang Sudah Diubahsuai	35
2.5	Model Proses Membaca Interaktif Rumelhart	40
2.6	Model Proses Kefahaman Membaca Just dan Carpenter	44
2.7	Model Proses Membaca Kintsch dan van Dijk	48
2.8	Proses Mengingat Maklumat	57
2.9	Mekanisme Ingatan Jangka Panjang	58
2.10	Struktur Metakognitif Nelson	92
2.11	Kerangka Konsep Kajian	117
3.1	Kaedah Perbandingan Malar - Wellington 2000	148
5.1	Maklumat Isi Utama, Isi Sokongan dan Huraian Isi Teks – Falsafah dalam Perpaduan Kaum	202

SINGKATAN

PMBKA	-	Proses membaca bawah ke atas
PMAKB	-	Proses membaca atas ke bawah
PMSBW	-	Proses membaca situasi berasaskan wacana
PBB	-	Protokol berfikir bersuara
PBS	-	Protokol bercerita semula
SM	-	Strategi membaca
SM-UB	-	Strategi membaca ulang baca
SM-Pr	-	Strategi membaca parafrasa
SM-MH	-	Strategi membaca membuat huraian
SM-MPS	-	Strategi membaca membuat pernyataan sinis
SM-MF	-	Strategi membaca menyatakan faham
SM-MTF	-	Strategi membaca menyatakan tak faham
SM-PM	-	Strategi membaca pengesahan maklumat
SM-Hp	-	Strategi membaca hipotesis
SM-MJ	-	Strategi membaca membuat jangkaan
SM-MP	-	Strategi membaca menyatakan persetujuan
SM-My	-	Strategi membaca menyoal
SM-Mj	-	Strategi membaca menjawab
SM-MSS	-	Strategi membaca mengaitkan situasi setempat
SM-MMTL	-	Strategi membaca menggunakan maklumat teks lain
SM-MM	-	Strategi membaca menggabungkan maklumat
SM-BK	-	Strategi membaca bantuan kamus
SM-MMK	-	Strategi membaca menelaah maksud kata

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini menghuraikan perkara-perkara penting yang menjadi dasar kepada kajian ini. Bagi memudahkan pemahaman terhadap huraian tersebut, bab ini dibahagikan kepada beberapa subtajuk seperti yang berikut: latar belakang kajian; rasional kajian; objektif kajian; soalan kajian; kepentingan kajian; dan definisi istilah.

1.2 Latar belakang kajian

Pemahaman sesebuah teks berlaku apabila seseorang pembaca mendapat makna daripada interaksinya secara sengaja dengan teks. Pemahaman itu akan bertambah apabila si pembaca dapat menghubungkan idea yang dipersembahkan dalam bentuk cetak dengan pengetahuan dan pengalamannya secara aktif, dan dapat membina representasi mentalnya tentang teks dalam ingatan jangka panjang beliau. Oleh sebab itu, pembaca yang berjaya mempunyai dua sifat, iaitu membaca dengan tujuan tertentu dan sentiasa aktif (Sousa,

2005: 96-97). Membaca dengan tujuan tertentu bermaksud pembaca menetapkan sesuatu tujuan sebelum mereka melakukan pembacaan seperti mencari maklumat, hiburan, atau berjaya dalam sesuatu kursus. Manakala, pembaca aktif pula bermaksud mereka sentiasa menggunakan sepenuhnya pengalaman dan pengetahuan tentang dunia di luar teks untuk memahami teks yang dibaca, memahami kosa kata dan struktur bahasa, dan mahir menggunakan strategi membaca. Apabila mereka berdepan dengan sesuatu masalah, mereka tahu memilih dan menggunakan strategi membaca yang berkesan untuk menyelesaikannya.

Oleh sebab pentingnya strategi membaca kepada pembaca, banyak kajian telah dilakukan terhadapnya sejak tahun 1960-an lagi. Daripada segi pemboleh ubah yang menjadi bahan kajian, berlaku perubahan fokus daripada pemboleh ubah teks kepada pemboleh ubah kognitif pembaca. Jika sebelum ini kebolehbacaan teks, kosa kata dan struktur teks menjadi fokus kajian bagi menentukan keberkesanan pembacaan seseorang, kajian yang dilakukan pada masa ini memberi fokus pada perlakuan kognitif pembaca dalam memahami teks yang dibaca. Oleh itu, banyak metodologi baharu diperkenalkan untuk memperoleh maklumat seperti protokol berfikir bersuara, temu bual retrospektif dan protokol bercerita semula.

Kemunculan metodologi baharu dalam kajian kemahiran membaca ini ada kaitannya dengan kehadiran teori kognitif dalam analisis bahasa yang diutarakan oleh Chomsky (1959) dan model pembacaan pemprosesan maklumat yang mula dibina sejak akhir tahun 1960-an lagi. Singhal (2001) menyatakan bahawa kebanyakan kajian tentang pembacaan pada masa kini berfokuskan strategi pembaca untuk memahami teks yang dibaca. Hal ini kerana minat penyelidik berubah daripada mengkaji struktur teks kepada

strategi yang digunakan pembaca untuk menguruskan interaksi mereka dengan teks yang dibaca dan bagaimana strategi ini berkait rapat dengan kefahaman dalam pembacaan. Dalam kajian-kajian yang dilakukan menunjukkan bahawa pembaca menggunakan pelbagai strategi untuk membantu mereka dalam pemerolehan bahasa, menyimpan maklumat dan menggunakan kembali maklumat yang telah disimpan dalam ingatan jangka panjang (Rigney, 1978).

Kesedaran terhadap strategi membaca diakui penting, bukan sahaja daripada aspek kefahaman teks tetapi juga menjadi pemangkin kepada proses pembelajaran secara keseluruhan. Kajian-kajian yang dilakukan sejak tiga dekad yang lalu menunjukkan bahawa strategi membaca mempunyai hubungan yang positif dengan pencapaian akademik pelajar (Abromitis, 1994; Baker & Brown, 1984; Wade & Reynolds, 1989; dan Wagoner, 1983; Fatimah, 1998), kematangan pembaca (Hosenfeld, 1977; Garner, 1987; Waxman & Padron, 1987), dan keberkesanan aktiviti membaca (McEwan, 2004, Baker & Brown, 1984; Brown, 1981; Palinscar & Brown, 1984).

Kajian yang dijalankan menggunakan responden daripada pelbagai peringkat keterampilan bahasa dan latar belakang. Ada responden kajian yang diambil dari sekolah rendah, sekolah menengah, kolej hatta mahasiswa universiti. Daripada segi keterampilan bahasa pula ada responden yang terdiri daripada pelajar yang lemah dan ada pula responden yang terdiri daripada pelajar yang pandai. Manakala, daripada segi latar belakang pula ada responden yang diambil daripada pelajar bahasa kedua dan ada pula responden yang diambil daripada pelajar bahasa pertama. Walaupun terdapat pengkaji yang mencuba menyelidiki strategi membaca berdasarkan pemboleh ubah jantina,

bilangan mereka tidak ramai dan perbezaan penggunaan strategi berdasarkan pemboleh ubah jantina didapati tidak ketara.

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh pengkaji terdahulu, terdapat perbezaan strategi membaca yang digunakan oleh pembaca yang mahir dengan pembaca yang tidak mahir, genre teks yang berbeza, dan pembaca muda dengan pembaca dewasa. Namun begitu, kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang ketara antara pembaca perempuan dengan pembaca lelaki. Voss & Bisanz (1985) menambah, terdapat dua faktor yang mempengaruhi ingatan semasa membaca, iaitu (a) struktur teks, dan (b) pengetahuan sedia ada yang digunakan oleh pembaca.

Banyak kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa pendedahan strategi pengajaran secara eksplisit sangat penting dalam pengajaran, termasuk pengajaran strategi membaca. Kajian-kajian yang dijalankan oleh El Hindi (1997); Chiang (1998), Ramp & Guffey (1999); dan Commander & Valeri-Gold (2001) menunjukkan bahawa kesan pembelajaran boleh ditingkatkan jika strategi pengajaran dalam mata pelajaran dinyatakan secara eksplisit. Namun begitu, keadaan ini tidak berlaku. Buktinya, timbul pelbagai masalah pembelajaran sehingga pelajar memasuki 'menara gading'. Menurut McKeachie (1988) masalah pembelajaran tersebut ialah:

- Pelajar memasuki universiti berbekalkan strategi yang tidak menggalakkan mereka mencapai kejayaan yang cemerlang;
- Latar belakang keluarga dan sekolah tidak membantu pelajar menjadi pelajar yang sedar akan pendekatan alternatif dalam situasi pembelajaran; dan

- Guru memberi banyak maklum balas tentang kecemerlangan hasil pembelajaran tetapi tidak pernah berbicara tentang bagaimana untuk meningkatkannya.

Guru harus dipersalahkan kerana membuat anggapan bahawa pelajar telah menguasai kesedaran metakognitif semasa mereka berada di sekolah menengah (McKeachie, 1988). Hasilnya, strategi belajar yang lebih dominan semasa belajar di sekolah menengah ialah hafalan fakta dan strategi ini kekal dibawa semasa mereka belajar di kolej (Nist, 1993).

1.3 Pernyataan masalah

Senario kaedah belajar di universiti memerlukan pelajar membaca bahan yang pelbagai dan banyak bagi menyiapkan tugas akademik. Di samping beberapa buah buku teks wajib yang disarankan, mereka juga digalakkan mencari bahan-bahan tambahan yang terkini daripada buku dan jurnal yang berkaitan bagi menyiapkan esei, kertas kerja, kertas projek, disertasi serta mendalami pengetahuan tentang perkara-perkara yang dikuliahkan. Oleh sebab pelajar di universiti dianggap telah matang dan mampu menjalankan program membaca luas secara berdikari, mereka tidak disediakan dengan sebarang program intervensi bagi membantu mereka mengendalikan program pembacaan mereka.

Di Malaysia, kajian dan tulisan tentang strategi membaca bahasa Melayu sebagai bahasa pertama berasaskan teori kognitif agak baharu dan belum banyak dapat dihasilkan. Antaranya ialah kajian yang dilakukan Mohammad Haron (1993, 1998) dan Wahida Abd. Wahid (1996). Kedua-dua kajian ini tidak menyentuh strategi membaca secara keseluruhan. Strategi membaca yang menjadi fokus kajian mereka ialah strategi

metakognitif sahaja. Kaedah memperoleh maklumat daripada responden juga agak seragam. Ketiga-tiga kajian ini menganalisis maklumat kuantitatif yang diperoleh daripada soal selidik atau soalan berstruktur yang diajukan kepada responden. Dalam kajian ini pengkaji beralih kepada kaedah kualitatif yang menggunakan protokol berfikir bersuara sebagai kaedah utama dan protokol bercerita semula untuk memperoleh maklumat daripada responden.

Kesemua kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji sebelum ini berlatarbelakangkan sekolah dan sampel kajian mereka terdiri daripada pelajar. Pengkaji melihat ini sebagai satu kekurangan dan berpendapat tidak lengkap jika kajian tentang strategi membaca ini terhenti setakat di sekolah semata-mata. Kajian strategi membaca di universiti sama pentingnya dengan kajian-kajian yang dilakukan di sekolah-sekolah. Malahan, pengkaji berpendapat kajian tentang keberkesanan penggunaan strategi membaca lebih penting dijalankan di universiti. Hal ini kerana proses pembelajaran di universiti lebih “terbuka” dan mencabar kewibawaan pelajar.

Keperluan ini disuarakan oleh ramai sarjana dari pelbagai bidang pengetahuan yang berminat dengan proses kefahaman membaca teks ilmiah seperti Miller (1981) dalam bidang kecerdasan buatan, Heath (1983) dalam bidang sociolinguistik, Tierney (1989) dalam bidang bacaan, dan Harste dan Burke (1989) dalam bidang pendidikan membaca. Mereka berpendapat bahawa penulisan mereka tidak akan memberi sebarang makna sehingga mesej yang hendak disampaikan dapat berhubung secara langsung dengan minda pembaca yang “hidup”.

Berdasarkan pernyataan tersebut, pengkaji membuat kesimpulan bahawa satu kajian yang mendalam berkaitan dengan strategi membaca dalam kalangan pelajar

universiti perlu dilakukan. Hal ini penting kerana strategi belajar di universiti berbeza dengan strategi belajar di sekolah menengah. Mereka perlu membaca banyak buku, makalah dan jurnal bagi menyiapkan tugas, projek, dan kertas kerja. Tugas ini hanya dapat dilakukan oleh pelajar yang memiliki sifat berdikari, berautonomi dan menguasai strategi membaca yang berkesan untuk memahami teks ilmiah dengan baik.

1.4 Tujuan

Kajian ini dijalankan dengan dua tujuan, iaitu (a) untuk mengkaji strategi membaca yang digunakan oleh pelajar universiti semasa mereka membaca teks ilmiah; dan (b) untuk mengkaji maklumat yang diingati daripada teks ilmiah yang dibaca hasil penggunaan strategi membaca tersebut.

1.5 Soalan kajian

Untuk memenuhi tujuan kajian di atas, dua set soalan kajian dibentuk. Kedua-dua set soalan kajian ini dibentuk berasaskan dua jenis alat kajian yang digunakan untuk memperoleh maklumat kajian ini, iaitu protokol berfikir bersuara dan protokol bercerita semula. Kaedah ini juga memudahkan pengkaji kerana dapatan daripada kedua-dua alat kajian ini dianalisis dan diuraikan dalam dua bab yang berbeza. Protokol berfikir bersuara dianalisis dan diuraikan dalam Bab IV manakala protokol bercerita semula dianalisis dan diuraikan dalam Bab V.

1.5.1 Soalan kajian berasaskan protokol berfikir bersuara

- a) Apakah jenis strategi membaca yang digunakan oleh responden dalam memahami teks ilmiah?
- b) Berapakah kekerapan penggunaan strategi membaca yang digunakan oleh responden?
- c) Apakah kategori strategi membaca yang digunakan responden?
- d) Berapakah kekerapan penggunaan strategi membaca yang digunakan oleh responden berdasarkan individu?

1.5.2 Soalan kajian berasaskan protokol bercerita semula

- a) Apakah maklumat teks asal yang dipilih oleh responden dalam protokol bercerita semula mereka?
- b) Apakah terdapat maklumat lain dalam protokol bercerita semula responden?
- c) Bagaimanakah maklumat tersebut disampaikan oleh responden dalam protokol bercerita semula mereka?

1.6 Kepentingan kajian

Dapatan kajian ini memberi manfaat kepada banyak pihak yang terlibat dalam merancang, melaksana dan menilai pendidikan bacaan di sekolah. Pihak yang merancang terdiri daripada penggubal-penggubal kurikulum. Mereka menjadi penting dalam kajian ini kerana hasil usaha merekalah pengajaran bacaan dilaksanakan di sekolah-sekolah. Pihak yang melaksanakan kurikulum terdiri daripada guru-guru yang mengajarkan kemahiran membaca di sekolah-sekolah. Mereka menjadi tunggak kepada kejayaan